



Penulisan pertama Sesi Jun 2020

Hak cipta bilik KAWANs

All right reserved. No part of this book may be printed or produced or utilised in any form or by any electronic, mechanical or other means now known or hereafter invented, including photocopying and recording or any information storage or retrieval system, without permission in writing from the Publisher.

Pereka susunatur : ANNATASHA BINTI ZULKFLI

RUMAH WARISAN HAJJAH KUNDUR Negeri Sembilan / Editor : NIK HASNIRAH NIK PA I NOR HASLINAWATI MOHD SAAD I ANNATASHA BINTI ZULKIFLI I MUHAMMAD SYAHMI BIN CHE ZUHAR I MUHAMMAD AMIRUL ASHRAF BIN MD SATAR I MUHAMMAD NAZHIF BIN SUHARDI I SITI NUR SHAHIRA BINTI HERMANTO I NURAFIQAH NABILAH BINTI AZHAR I NURUL IZZATI BINTI MD.ARMAND SAM

Diterbitkan oleh :

Unit Kajian Alam Warisan Negeri Sembilan

Jabatan Kejuruteraan Awam

Politeknik Port Dickson

KM 14 Jalan Pantai

71050 Si Rusa

Port Dickson

Negeri Sembilan, Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini, dalam apa bentuk atau dengan apa cara sekalipun, disimpan untuk penageluarkan atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan cara elektronik, gambar, rakaman, media dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada unit KAWANs terlebih dahulu.




ABSTRAK

RUMAH WARISAN HAJAH KUNDUR merupakan bangunan seni bina yang terletak di Kampung Bukit Chembong, Rembau, Negeri Sembilan. Objektif projek lukisan terukur ini dijalankan adalah untuk mewujudkan keselarasan dalam pengendalian projek lukisan terukur, Diploma Seni Bina di Politeknik Port Dickson.

Selain itu, menjelaskan proses kerja dan tanggungjawab pelajar yang perlu dilalui sepanjang pelaksanaan projek. Metodologi yang digunakan adalah kerja lapangan mengukur, merekod, mengkaji dan menganalisa sejarah awal bangunan bagi mengukuhkan lagi maklumat. Disamping itu, sesi temu bual adalah cara yang telah digunakan dalam proses pengumpulan data/maklumat yang terperinci serta mendapatkan keterangan secara lisan daripada pewaris rumah mahupun ahli keluarga.

Antara alat-alat yang digunakan sepanjang pelaksanaan projek ini adalah, pita pengukur, pembaris skala, kelengkapan alat tulis, digital kamera, komputer riba dan helaian kertas serta maklumat awal bagi bangunan yang kaji, segala peralatan tambahan digunakan untuk melengkapi segala proses semasa membuat kerja.

Melalui pelbagai metodologi, sejarah dan latar belakang dapat dikaji dan memperolehi maklumat tersebut dengan tepat dan padat. Sebagai contoh, seperti nama asal tapak kajian, suku – suku yang terdapat pada kawasan kajian, sejarah rumah warisan, termasuklah salah-silah keluarga bangunan kajian. Dari segi struktur pula, kayu cengal, banyak digunakan sebagai bahan utama dalam pembinaan rumah warisan. Kajian yang dijalankan jelas menunjukkan rumah tersebut mempunyai nilai sejarah yang perlu dipelihara.




PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan sepenuh kesyukuran ke hadrat ilahi atas limpah kurnianya kami dapat menyelesaikan buku meja kopi lukisan terukir ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pemilik dan pewaris-pewaris Rumah Warisan Hajah Kundur kerana memberi kebenaran serta kerjasama kepada kami untuk menjayakan Rumah Warisan Hajah Kundur ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah kami yang sentiasa mendorong dan memberi tunjuk ajar kepada kami serta semangat yang jitu untuk melaksanakan projek akhir bagi DCA6163 lukisan terukir.



ISI KANDUNGAN

01

REMBAU & KG. CHEMBONG

Bahagian ini menerangkan tentang sejarah Rembau dan Kg. Chembong yang merupakan tapak warisan Rumah Hajah Kundur.

02

SEJARAH RUMAH WARISAN

Sejarah rumah warisan yang merangkumi asal usul rumah, tahun dibina, usia serta salah silah keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini.

03


REKA BENTUK RUMAH WARISAN

Menerangkan tentang reka bentuk traditional yang mempunyai nilai estetika serta reka bentuk yang bercirikan rumah traditional warisan Negeri Sembilan.

04

RUANG & FUNGSI

Bahagian ini menerangkan tentang ruang serta fungsi di setiap bahagian rumah yang memiliki maksud serta kegunaannya yang tersendiri.





05 ELEMEN & STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang elemen yang mempunyai corak dan gaya yang unik serta struktur yang digunakan untuk mengekalkan struktur rumah.

06 BUMBUNG, LANTAI & STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang struktur bumbung pada Rumah Warisan Hajah Kunder yang memberi keunikan pada rumah tersebut.

07 ORNAMENTASI & KERAWANG

Kerawang dan ornamentasi pada rumah warisan ini mempunyai ciri-ciri yang unik serta kehalusan seni yang mempunyai maksud yang tersirat.

08 KESIMPULAN & RUJUKAN


*“ Jarum emas letak di para,
Letak dalam talam suasa,
Melayu terkenal di Nusantara,
Kaya dengan warisan budaya. ”*



01

REMBAU & KG. BUKIT CHEMBONG

Bahagian ini menerangkan tentang sejarah Rembau dan Kg. Chembong yang merupakan tapak warisan Rumah Hajah Kundur.



SEJARAH AWAL

Penduduk asal Rembau ialah orang Jakun yang disebut juga sebagai orang Biduanda. Mengikut ahli sejarah kaji manusia mereka telah datang ke Alam Melayu ini kira-kira 2500 hingga 1500 tahun sebelum Masehi terkenal dengan sebutan Melayu Proto. Terdapat lima buah pekan kecil di daerah ini iaitu, Pekan Rembau, Pekan Pedas, Pekan Chengkau, Pekan Kota dan Pekan Lubok China serta terdapat satu kawasan parlimen iaitu Kawasan Parlimen Rembau dan dua kawasan undangan negeri iaitu Chembong dan Kota. Ahli Parlimen Rembau ketika ini ialah YB. Tuan Khairy



Rembau pada awalnya merupakan tempat orang-orang Minangkabau dari Sumatera mendarat, hal ini secara tidak langsung telah membawa masuk Adat Papatih ke daerah ini. Mereka membuka perkampungan di sini dan telah berkahwindengan penduduk asli di daerah ini. Selain itu sejarah mencatatkan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pertama iaitu Raja Melewar telah ditabalkan di daerah ini iaitu Kampung PENajis dan bersemayam di Kampung Astana Raja.



REMBAU & KG. BUKIT CHEMBONG

Rembau adalah sebuah daerah di Negeri Sembilan yang terletak di arah selatan bersempadan dengan Negeri Melaka. Daerah Rembau seluas 402.76 kilometer persegi atau 41, 512 hektar dengan penduduk seramai 44, 230 orang yang mendiami 17 mukim iaitu Peda, Kundur, Tanjung Kling, Chembong, Batu Hampar, Selemak, Sepri, Pilin, Nerasau, Chengkau, Bongek, Titian Bintangor, Semerbok, Legong Ulu, Miku, Lengong Hilir dan Gadong serta mengandungi 204 buah Kampung di daerah ini. Penduduk daerah ini majoriti-nya adalah petani, kakitangan kerajaan dan pekerja kilang.



Kampung Chembong merupakan perkampungan tradisional melayu daerah Rembau, Negeri Sembilan. Kebanyakan masyarakat kampung di sini merupakan keturunan Melayu Minangkabau.

Bentuk muka bumi di sini ialah betanah panah yang tanahnya ialah jenis tanah laterit. Keadaan tanah seperti ini amat sesuai untuk penanaman getah dan kelapa sawit. Maka tidak hairanlah kebanyakan penduduk di sini menjalankan aktiviti pertanian sebagai sumber ekonomi, ada juga di kalangan penduduk di sini yang bekerja di kilang dan merupakan kakitangan kerajaan.


*“ Pokok rumbia tumbun di paya,
Daun diguna berteduh panas;
Baju kurung baju kebaya,
Tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. ”*



02

SEJARAH RUMAH WARISAN HAJAH KUNDUR

Sejarah rumah warisan yang merangkumi asal usul rumah, tahun dibina, usia serta salah silah keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini.v



RUMAH WARISAN HAJAH KUNDUR




GAMBAR 1

GAMBAR 2

Pemilik Rumah Warisan Hajah Kundur dianggarkan pada tahun 1800. menjadi salah satu sebab dalam proses ini bernama Rosnah Binti Ahmad yang Selain itu, percalonan undang itu pemilihan undang kerana beliau memerlukan berumur 29 tahun. Beliau berasal dari sudah menjadi giliran untuk kawasan suku wang yang secukup bagi menyiapkan rumah Suku Tanah Datar. Beliau tinggal bersama bindunda dan suku tanah datar. tersebut. Di dalam Rumah Warisan Hajah ayah beliau iaitu Haji Ahmad Bin Kassim Kemungkinan besar semasa perlantikan Kundur mempunyai satu keunikan tersendiri di Kampung Rendah, Chembong Rembau. dijalankan proses pembinaan rumah ini di mana dekorasi dalaman rumah tersebut Menurut Azman bin Ahmad merupakan belum sempurna dengan secukupnya menggunakan ukiran corak kayu di setiap abang sulong kepada Rosnah binti Ah- semasa proses pemilihan sebagai ruang. Di ruang serambi mempunyai 4 tiang dur Ini dato dan nenek moyang beliau dari segi faktor kewangan juga gantung dan 4 tiang berukiran yang bercorak

SALASILAH KELUARGA HAJAH KUNDUR





GAMBAR 3



PEMASANGAN

Dibuka dan dipasang semula sekurang-kurangnya empat kali sejak kira-kira 150 tahun lalu, rumah tradisional ini pernah dipamerkan lebih setahun di London pada tahun 1924.






*“ Ayam rintik di pinggir hutan,
Nampak dari tepi telaga,
Nama yang baik jadi ingatan,
Seribu tahun terkenang juga. ”*



03

REKA BENTUK RUMAH WARISAN

Menerangkan tentang reka bentuk traditional yang mempunyai nilai estetika serta reka bentuk yang bercirikan rumah traditional warisan Negeri Sembilan.



REKA BENTUK RUMAH NEGERI SEMBILAN



GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hejeh kundur


PENGENALAN

Keunikan reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan melambangkan masyarakat Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan. Rekabentuknya mewakili pelbagai maksud tersendiri yang sering dikaitkan dengan identiti Adat Perpatih kerana merangkumi sistem-sistem atau amalan hidup sehari-hari, sistem kepercayaan dan agama, adat istiadat, pendidikan, kesenian dan sosiopolitik masyarakat itu.


Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah sistem adat bernasabkan ibu atau sistem kekerabatan matrilineal yang mempunyai hubungan rapat dengan reka bentuk seperti orientasi, susun atur ruang, komponen lantai, dinding, struktur tiang, dan ragam hias dalaman rumah tradisional Negeri Sembilan.

Selain itu, bentuk bumbung di Negeri Sembilan yang melentik adalah pengaruh-pengaruh yang datang kemudian mengikut evolusi yang berlaku dalam pembentukan rumah tradisional pada masyarakat di Negeri Sembilan. Oleh hal demikian, reka bentuk bumbung panjang yang lentik dengan kedua-dua hujung bumbungnya naik ke atas sedikit telah menjadi identiti seni bina di Negeri Sembilan yang tersendiri.

Adat Perpatih dan faktor kedaerahan telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional ini. Namun hal demikian, keaslian konsep dan falsafah reka bentuk seni bina rumah ini telah disalah ertikan dengan mengatakan ia menyamai reka bentuk rumah adat di Minangkabau.



GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hejiah kundur



REKA BENTUK RUMAH WARISAN HAJAH KUNDUR

Reka bentuk rumah warisan ini mempunyai ciri-ciri rumah tradisional negeri sembilan. Hal ini jelas dapat dilihat melalui seni bina yang terdapat pada rumah warisan ini seperti jenis bumbung dan juga susunan ruang. Di dalam rumah warisan hajah kundur mempunyai satu keunikan tersendiri di mana dekorasi dalaman rumah tersebut menggunakan ukiran corak kayu di setiap ruang.

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajah kundur



Di ruang serambi mempunyai 4 tiang gantung dan 4 tiang berukiran yang bercorak. Setereusnya, di ruang ibu pula terdapat 3 tiang gantung dan 1 tiang seri di tengah-tengah ruang ibu. Di bilik ibu pula mempunyai 3 tiang gantung.

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajah kundur



Menurut Azman bin Ahmad, tiang seri pada bahagian rumah ibu tersebut adalah satu tiang yang memberi penyeri rumah tersebut. Selain itu, tiang seri itu juga di balut dengan kain berwarna biru diraja, dan di jaga dengan sebaik-baiknya.

Selain itu juga, pada dahulukalanya, Rumah Warisan Hajah Kundur ini banyak menyimpan barang-barang antik seperti tembaga, cawan dan tanduk rusa. Tetapi malangnya Rumah Warisan Hajah Kundur ini telah di masuki pencuri maka segala barang-barang antik itu telah diambil oleh pencuri tersebut




*“ Apa guna berkain batik
Kalau tidak dengan sucinya?
Apa guna beristeri cantik
Kalau tidak dengan budinya ”*




04

RUANG DAN FUNGSI

Bahagian ini menerangkan tentang ruang serta fungsi di setiap bahagian rumah yang memiliki maksud serta kegunaannya yang tersendiri.





Konsep seni bina selalu memperkatakan Terdapat dua laluan untuk memasuki tentang penyediaan ruang yang terdapat dalam rumah warisan ini. iaitu melalui tangga bahagian sesuatu seni bina rumah. Tujuan ruang di bina serambi iaitu tangga di hadapan dan juga tangga dan juga pantang larang yang ada untuk ruang itu. di bahagian ruang ibu iaitu tangga di belakang

Rumah Warisan Hajah Kundur ini mempunyai lima ruang iaitu serambi, bilik bujang, rumah ibu, bilik ibu dan loteng. Terdapat dua laluan untuk memasuki ke dalam rumah ini.


Ruang Serambi

Serambi rumah ini berbentuk memanjang, keramaian dan kenduri kendara. Di mana dapat memudahkan kerja-kerja mendulang juadah dan hidangan terus dari dapur melalui luar rumah. Hal ini kerana prtgaulan lelaki dan perempuan yang perlu di batasi, demikianlah lelaki tidak digalakkan berjalan melepasi sepanjang ruang rumah.

Kemasan lantai pada bahagian serambi rumah ini menggunakan papan dengan cara susunan memanjang dan melintang. Kemas lantai ini menggunakan bahan daripada kayu. Disebabkan oleh usiannya yang lama, papan lantai ini telah reput. Bagi tujuan baik pulih, pemilik menggunakan papan seperti di pasaran untuk menggantikannya.

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajah kundur





Ruang Ibu


Menurut Yaakub Idrus 1996,

Ruang rumah ibu adalah paling terhormat. Sebagai ibu, ia menanggung tugas atau fungsi paling banyak. Di ruang tengah terdapat sebatang tiang tengah yang dianggap sebagai pusat atau tulang belakang sesebuah rumah. Tiang tersebut juga dikenali sebagai tiang seri. Menurut Azman bin Ahmad, tiang seri ini juga menjadi satu symbol di dalam kawasan rumah ini. Tiang seri ini juga di jaga dengan sebaik-baiknya dan dibalutkan dengan kain berwarna biru diraja.

Pintu di ruang ibu rumah merupakan pintu yang menghubungkan antara ruang srambi dan dengan rumah ibu. Ia mempunyai dua daun pintu pada bahagian atas dan satu bukaan pada bahagian bawah. Ia diperbuat daripada kayu temongsu dan dihiasi dengan kayu panel berukir




GAMBAR
Ruang rumah ibu adalah paling terhormat.
Menurut Yaakub Idrus 1996,



Pintu yang terdapat pada bahagian rumah ibu ini kedudukannya menghalu ke tengah rumah seterusnya dan mempunyai aras lantai yang berbeza dan secara tidak langsung membezakan setiap ruang. Pengguna perlu menunduk untuk melaluinya kerana sifat yang rendah dan hanya seorang sahaja boleh melalaui pintu ini kerana bukaan lebih kecil dan sempit.



Pintu ini juga mempunyai satu daun pintu dan di perbuat daripada kayu temongsu. Pintu ini dihiasi dengan papan panel berukir untuk mencantikkan lagi keadaan pintu tersebut. Pada bahagian rumah ibu ini juga mempunyai dua buah tingkap. Tingkap tersebut mempunyai dua daun tingkap. Diperbuat daripada kayu termongsu



Bilik Bujang



Menurut Azman Bin Ahmad, bilik bujang ini merupakan bilik pengumpulan anak-anak lelaki untuk menjaga batas pergaulan antara anak perempuan. Bilik bujang ini hanya boleh dimasuki oleh anak lelaki sahaja. Bilik bujang ini terletak bersebelahan dengan ruang serambi.

Pintu utama bilik bujang ini mempunyai dua daun pintu yang dihiasi dengan empat panel berukir. Diperbuat daripada kayu termongsu. Saiz daun pintunya adalah lebih besar berbanding pintu di ruang serambi. Sistem pemasangannya adalah menggunakan tanggam.




GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan Melayu Kund

Bilik Ibu



Pintu utama bilik ibu ini mempunyai dua daun pintu yang dihias dengan empat panel berukir. Diperbuat daripada kayu termongsu. Saiz daun pintunya adalah lebih kecil berbanding pintu di ruang serambi. Sistem pemasangannya adalah menggunakan kaedah tanggam. Seperti yang terdapat yang dilihat di dalam gambar terdapat kesan penyelak pintu yang dipasang untuk tujuan keselamatan.



Ruang Loteng

Peran dan loteang digunakan sebagai ruang tidur bagi anak-anak perempuan, namun ruang ini telah menjadi ruang penyimpanan barang seperti setor dan barang-barang bernilai. Terdapat sejarah sebalik ruang peran ini menurut Azman bin Ahmad, pada zaman dahulu dijadikan ruang peran sebagai tempat bersembunyi ketika di kejar oleh penjajah Jepun. Peran dan loteng ini dilengkapi dengan beberapa anak tangga.

Menurut Azman, anak tangga itu pernah dijadikan alatan muzik seperti gitar pada zaman dahulu untuk dijadikan sebagai hiburan untuk seisi keluarga.


Dekorasi pada tebar layar ruang ini bermotifkan flora dan fauna, ia dapat dilihat di bahagian tebar layar bumbung peran tersebut. Tujuannya bukanlah sekadar hiasan akan tetapi ia juga sebagai laluan angin.

GAMBAR

Pandangan hadapan
rumah warisan Hajjah Kundur

Anjung

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan haji kundur




*“ Bila selasih di dalam peti,
Sampai masanya dijerang jua;
Sekali kasih didalam hati,
Sampailah tua kukenang jua. ”*



05

ELEMEN & STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang elemen yang mempunyai corak dan gaya yang unik serta struktur yang digunakan untuk mengekalkan struktur rumah.




ELEMEN & STRUKTUR

Tiang

Rumah melayu pada zaman dahulu mempunyai tiang yang ditanam didalam tanah. Namun setelah peredaran zamantelah berlaku tiada lagi tiang ditanam bawah tanah. Tiang sudah diberi alas di bahagian hujung kakinya, yang dipanggil tapik tiang atau alam tiang yang diperbuat daripada kayu atau bahan konkrit. Di kaki tiang ditebuk lubang untuk menempatkan kuku tiang.

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajjah kundur
v






GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan Hajah Kundur

Bahan yang digunakan untuk membina tiang adalah kayu dan konkrit pada bahagian lapik tiang. Kayu ini merupakan kayu yang cukup keras dan stabil. Selain itu, kayu ini tahan daripada serangan serangga.

Oleh kerana itulah tiang pada rumah Hajah Kundur ini masih utuh walaupun sudah berabad lamanya. Rumah Hajah Kundur tidak menggunakan kaedah pembinaan tiang di dalam tanah sebaliknya menggunakan konkrit untuk membuat batu sendi.

Dinding

Dinding bagi telapak ini diperbuat daripada kayu yang dipotong pokok yang terdapat di kebanyakan rumah tradisional di Negeri Sembila. Masih terdapat dinding yang asal masih kekal Dinding dipasang tanpa menggunakan paku pada awalnya hanya dipasang menggunakan kepakaran tukang kayu dan seni bina tradisional iaitu seni tangan yang biasa dilihat dan boleh dilihat pada masa kini di mana-mana rumah tradisional di kawasan Rembau dan perkampungan terdekat.



GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan haji kundur

Lantai

Kemasan lantai pada bahagian serambi rumah ini menggunakan papan dengan cara susunan memanjang dan melintang. Kemasan lantai ini menggunakan bahan daripada kayu. Disebabkan oleh usianya yang lama, papan lantai ini telah reput. Bagi tujuan baik pulih, pemilik menggunakan papan seperti di pasaran sekarang untuk menggantikannya.


GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan haji kandur


Tiang Gantung

Tiang gantung yang terdapat di Rumah Traditional Negeri Sembilan ini adalah unik, cantik dan fungsional. Ia kelihatan rumit tetapi konstruksinya ter-sangat teguh. Tambahan lagi, Tiang Gantung merupakan sebatang kayu bersaiz kira-kira tiga setengah inci segi empat sama dipasang tergantung di hujung alang, berfungsi sebagai tempat penggantung kasau jantan serambi atau kasau jantan kelek anak.

GAMBAR

Pandangan hadapan
rumah warisan hajjah kundur






jenis tiang gantung




Tiang Seri

Tiang tengah pula dipasang di tengah-tengah rumah traditional Negeri Sembilan ataupun digelar sebagai Tiang Seri berfungsi sebagai tiang yang menjadi struktur Rumah Traditional. Tiang ini merupakan lambang kepada fungsi mertabat kaum perempuan dan ibu sokongan yang dimuliakan dan dihormati. Ianya perlu dihormati dan sering dijadikan dijadikan tanda kepada upacara adat yang dijalankan di Negeri Sembilan. Menurut Encik Zarir, iaitu tukang ukir kayu yang mahir, kesemua motif terdapat pada tiang ser adalah bersimetri dus, ianya kerana itu adalah peraturan ukiran awan melayu tradisi Negeri Sembilan.




GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajah kundur

Tiang Serambi



Tiang Serambi ini dikenali lebih pendek daripada tiang panjang yang terletak di baris tepi bahagian hadapan atau belakang Rumah Warisan Negeri Sembilan.

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajah kundur





Pintu

Pintu ini merupakan pintu masuk utama ke ruang serambi. Ciri-cirinya ialah mempunyai dua daun pintu serta mempunyai empat kayu penyelak yang menegak berbentuk silinder. Selain itu, terdapat sebuah pintu sahaja di ruang serambi ini. Ia diperbuat daripada kayu dan menggunakan sistem tanggam serta mempunyai papan panel berukir.




GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan Hajah Kundur



Tingkap

Tingkap jenis ini adalah dibina lebih rendah di ruang serambi. Terdiri daripada dua daun tingkap serta mempunyai empat besi penghalang yang menegak. Pada ruangan ini juga terdapat lima buah tingkap jenis ini. Pembuatannya adalah menggunakan sistem tanggam dan Diperbuat daripada kayu. Selain itu juga, tingkap ini dilengkapi dengan dua besi penyelak untuk tujuan pengucian dan dihiasi dengan papan panel berukir.



GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajah kundur




*“ Anak merak mati tersangkut,
Mati dipanah Seri Rama,
Resam d dunia juga disebut,
Orang yang mati meninggalkan nama ”*



06

BUMBUNG & STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang struktur bumbung pada Rumah Warisan Hajah Kundur yang memberi keunikan pada rumah tersebut.



BUMBUNG & STRUKTUR


Bumbung

Bumbung adalah hiasan yang terpenting kerana di sini jenis bentuk sesebuah rumah itu dapat dikenal pasti. Bumbung rumah Melayu tradisional mempunyai bentuk memanjang dan layar yang bertebat.

Permukaan bumbung yang curam mengurangkan bukaan keluasan bumbung untuk menerima pancaran matahari. Ini bersesuaian dengan iklim setempat. Menurut Azman bin Ahmad, pada awalnya bahan binaan yang digunakan untuk membina bumbung ini terdiri daripada daun-daun nipah yang mampu menyediakan udara semula jadi yang sejuk di dalam rumah tetapi disebabkan perubahan zaman yang berlaku, kini bahan bumbung bertukar kepada zink.

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajjah kundur





GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajjah kundur

Bumbung rumah ini telah ditukar oleh Haji Samat merupakan suami kedua Hajjah Kundur. Keadaan keseluruhan bumbung Rumah Warisan Hajjah Kundur ialah bumbung panjang. Bumbung panjang biasanya dapat dilihat pada hujungnya sedikit melentik sama seperti kebanyakan rumah tradisional Melayu yang lain di Negeri Sembilan.

Jenis kemasan bumbung yang digunakan ialah pada asalnya adalah atap jenis nipah dan telah digantikan dengan atap jenis zink. Unjuran cucur atap bertindak sebagai penangkis cahaya matahari dan penghalang tempas hujan. Struktur bumbung pada alang panjang,kayu




Kaedah Pembinaan Bumbung

Bumbung ini dibina dengan suatu kerangka segi empat dan menggunakan sistem kekuda tunjuk langit. Komponen struktur kayu yang separa siap dipasang dengan menggunakan kaedah baji dan lubang berpasak.

Perenggan bumbung merangkumi berbagai-bagai- kayu rangka, dari kayu alang panjang iaitu kepala tiang hingga ke tulang perabungnya di atas sekali. Bahan-bahan gabungan pada perenggan bumbung terdiri daripada kayu-kayu kasau jantan dan kasau betina.

Di atas bumbung terdapat penutup umbung. Pengalas atas bumbung diperbuat daripada pelbagai bahan dan Rumah Warisan Hajah Kundur telah menggunakan bumbung logam sebagai alas bumbung rumahnya.

Selain itu, unjuran bumbung rumah tradisional yang panjang membantu melindungi fasad rumah serta tingkap daripada pancaran terk matahari dan tempas air hujan yang lebat. Perlindungan yang diberikan oleh unjuran bumbung ini membolehkan tingkap



GAMBAR

Pandangan hadapan
rumah warisan hajah kundur

BUMBUNG & STRUKTUR

TEBAR LAYAR

Tebar Layar

Tebar layar ini adalah bahagian yang berbentuk segitiga yang digunakan bagi menutupi kedua-dua hujung bumbung panjang dan bumbung limas. Tujuan tebar layar adalah untuk membuat sesuatu binaan menjadi lebih kemas dan cantik. Tebar layar juga mengandungi falsafah serta unsur simbolik tertentu dalam kepercayaan masyarakat Melayu. Tebar layar adalah berbentuk huruf V terbalik. Selain itu, penggunaan tebar layar dikatakan mempunyai unsur simbolik orang Melayu laut dan air.


Bumbung panjang dilihat mempunyai bentuk yang sama apabila perahu itu diterbalikkan. Dalam masyarakat Minangkabau pula bumbung rumah yang melentik itu selain disamakan dengan tanduk kerbau ia juga dikaitkan dengan binaan perahu.

*“ Tinggi bukit gilang-gemilang,
Air laut tenang-tenangan,
Budi yang baik tidakkan hilang,
Ini menjadi kenang-kenangan ”*

07

ORNAMENTASI & KERAWANG

Kerawang dan ornamentasi pada rumah warisan ini mempunyai ciri-ciri yang unik serta kehalusan seni yang mempunyai maksud yang tersirat.



Bumbung



GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajjah kundur



Silang Pangkah

Hiasan dan ukiran ini bermotifkan flora. Antara hiasan susunan silang pangkah yang kelihatan seperti jejala. Ukiran berongga ini bertujuan untuk laluan angin supaya penukaran haba dalam rumah boleh berlaku dan memberi keselesaan kepada penghuni.



GAMBAR

Pandangan hadapan
rumah warisan Hajah Kundur



Papan Kembang

Papan kembang adalah salah satu daripada hiasan untuk mencantikkan rumah yang terdapat di rumah tradisional. Rumah Warisan Hajah Kundur mempunyai papan kembang disekeliling rumah.

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hajah kundur



Lantai Jarang

lantai jarang yang terdapat di dalam rumah-rumah tradisional mempunyai fungsinya yang tersendiri. Antaranya ialah untuk laluan keluar dan masuk angin untuk menyejukkan ruang di dalam rumah. Selain daripada itu juga, fungsi lantai jarang adlah untuk laluan air apabila

3D/DRAWING

GAMBAR
Pandangan hadapan
rumah warisan hujah kundur




*“ Pohon sirih pohon selasih,
Tumbuh merimbun di hujung zaman,
Kandungan budi junjungan kasih,
Kekal cemerlang sepanjang zaman ”*




08

KESIMPULAN & RUJUKAN



KESIMPULAN

Pada akhir kajian ini, kami telah mendapati Rumah Warisan Hajah Kundur ini menyimpan pelbagai cerita dan keseniannya yang tersendiri. Ia merangkumi sejarah rumah, tapak rumah dan susur- galur keluarga si pemilik yang menjadi titik mula untuk kami memulakan kajian terhadap rumah ini. Kajian ini adalah kerana Rumah Hajjah Kundur ini masih menyimpan dan mengekalkan keaslian rumah melayu Iana Negeri Sembilan yang terkenal dengan keunikan dan ketelitian pembinaanya. Rumah ini mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri walau sudah berdekad lama dibina dan digunakan sehingga ke generasi kini akan tetapi masih utuh mekah berdiri.





rujukan

LOGO KAWANS